



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Hari an
Date	1/10/2011

## Dr Mahathir temui Presiden Vietnam

**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Vietnam, Truong Tan Sang dan isteri, Mai Thi Hanh yang dalam lawatan rasmi ke negara ini.

Turut hadir pada perjumpaan kira-kira 30 minit itu ialah Timbalan Presiden Vietnam, Nyugen Thien Nahn dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha yang menjadi menteri pengiring.

Sang yang dilantik sebagai Presiden Vietnam pada Julai lalu tiba di Kuala Lumpur pada Rabu lalu untuk melakukan lawatan tiga hari.

Lawatan berkenaan sebagai membalas kunjungan negara oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah pada Mac 2009. - BERNAMA